

Di Sekitar Persidangan Alim Ulama Se-Malaysia

Satu persidangan “Alim ulama Seluruh Malaysia” bagi memperbincangkan soal wang zakat dan fitrah telah berlangsung di bangunan MARA Kuala Lumpur selama dua hari iaitu hari iaitu pada 10 dan 11 haribulan Februari 1968. Persidangan itu telah dihadiri oleh 500 para alim ulama yang datang dari seluruh pelosok tanah air termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Sidang Alim Ulama Se-Malaysia yang julung-julung kali diadakan itu telah dirasmikan pembukaannya oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein – Timbalan Perdana Menteri Malaysia – ucapan beliau sewaktu merasmikan pembukaan persidangan tersebut ada kita siarkan dengan sepenuhnya di muka 7.

Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar Baba – Pengerusi MARA di dalam ucapannya telah mencadangkan; supaya kerajaan pusat membentuk satu jawatankuasa yang terdiri dari pakar-pakar ekonomi dan alim ulama untuk mengatur dan menentukan cara-cara pembahagian wang zakat dan fitrah supaya boleh digunakan bagi meninggikan ekonomi orang-orang Islam.

Berucap tentang mengapa persidangan alim ulama ini diadakan beliau berkata: “Bahawa persidangan ini mempunyai dua tujuan:

Pertama: untuk mengeluarkan fatwa-fatwa mengenai, apakah jenis barang-barang dan harta benda yang boleh dikeluarkan untuk zakat fitrah.

Kedua: Persidangan ini akan mengambil persetujuan tentang wang yang lebih dari pembahagian zakat untuk membesarkan ekonomi orang-orang Islam.

Persidangan itu kemudiannya mengambil satu keputusan yang terpenting iaitu: Menubuhkan “Tabung Amanah Islam” yang bertujuan untuk memperluas dan memperkukuhkan ekonomi orang-orang Islam.

Ketika membuat ucapan penutup bagi persidangan selama dua hari itu Senator Abdul Ghafar berkata “Kejayaan paling besar yang dicapai oleh Persidangan Alim Ulama pada kali ini ialah merapatkan hubungan di antara pakar-pakar ekonomi dengan para alim ulama Islam di seluruh tanah air.”

Beliau mensifatkan kejayaan itu sebagai “satu revolusi baru di dalam perkembangan Islam di negeri ini, yang mana kelak akan mendatangkan faedah yang besar kepada anak bangsa kita di belakang hari.”

Di akhir ucapannya beliau bercadang untuk mengadakan lagi satu “**Persidangan Alim ulama**” yang seumpama ini di satu masa akan datang bagi membincangkan beberapa masalah agama yang berkaitan dengan ekonomi.



Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein sedang memberi ucapan di dalam Majlis Pembukaan Persidangan Alim Ulama seluruh Malaysia.